

Bil. S 47

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Bab 83)**

**Perintah Darurat (Undang-Undang Jenayah (Tahanan Kerana Keselamatan))**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut :—

- |  |  |
|--|--|
| <b>Gelaran.</b>  | 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Undang-Undang Jenayah (Tahanan Kerana Keselamatan)), 1984.   |
| <b>Kuasa Menteri untuk membuat perintah-perintah.</b>  | 2. (1) Bila-bila masa sahaja Menteri berpuashati berhubung dengan sesiapa jua orang, sama ada orang itu lepas bebas atau dalam kurungan, bahawa orang itu telah mempunyai kaitan dengan kegiatan-kegiatan jenis jenayah, maka Menteri boleh — <ul style="list-style-type: none"><li>(a) jika ia berpuashati bahawa adalah menjadi perlu supaya orang sedemikian ditahan bagi kepentingan-kepentingan keselamatan, keamanan dan ketenteraman awam, dengan perintah yang ditandatangani mengarahkan supaya orang sedemikian ditahan selama sebarang tempoh yang tidak melebihi satu tahun daripada tarikh perintah tersebut ; atau</li><li>(b) jika ia berpuashati bahawa adalah menjadi perlu supaya orang sedemikian ditakluk di bawah pengawasan polis, dengan perintah mengarahkan supaya orang sedemikian ditakluk di bawah pengawasan polis selama sebarang tempoh yang tidak melebihi tiga tahun daripada tarikh perintah tersebut.</li></ul> <p>(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini "Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab terhadap undang-undang.</p> <p>(3) (1) Tiap-tiap perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah bab 2 dari Perintah ini hendaklah, bersama-sama dengan suatu kenyataan bertulis mengenai alasan-alasannya yang Menteri telah membuat perintah tersebut, dirujukkan oleh Menteri kepada sesebuah jawatankuasa penasihat yang ditubuhkan seperti yang dipersyaratkan dalam bab 10 dari Perintah ini, dalam masa dua puluh delapan hari daripada mulanya dibuat perintah tersebut.</p> <p>(2) Jawatankuasa Penasihat hendaklah menghadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan suatu laporan bertulis mengenai pembuatan perintah tersebut dan boleh membuat di dalamnya sokongan-sokongan sebagaimana yang difikirkannya patut.</p> |
| <b>Perintah-perintah hendaklah dirujukkan kepada sesebuah jawatankuasa penasihat dan tertakluk kepada pengesahan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.</b> |  |

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan menimbangkan laporan tersebut dan boleh membatalkan atau mengesahkan perintah tersebut dan dalam pada mengesahkan perintah tersebut boleh membuat kepadanya perubahan-perubahan sebagaimana yang Baginda fikirkan patut.

4. (1) Pada bila-bila masa selepas suatu perintah tahanan berhubung dengan seseorang telah dibuat di bawah bab 2 dari Perintah ini atau disahkan di bawah syarat-syarat ceraian (3) bab 3 dari Perintah ini atau setelah tamat tempoh sahnya perintah tersebut Menteri boleh dengan perintah mengarahkan supaya orang itu ditakluk di bawah pengawasan polis selama sebarang tempoh yang tidak melebihi tiga tahun daripada tarikh perintah tersebut dan tatkala itu apa jua perintah tahanan yang telah dibuat atau disahkan berhubung dengan orang itu adalah dianggap sebagai telah batal dan orang itu jika di bawah tahanan hendaklah dilepaskan.

Kuasa untuk menggantikan perintah bagi pengawasan polis.

(2) Syarat-syarat bab 3 dari Perintah ini adalah dikenakan kepada sebarang perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah ceraian (1) dari bab ini sepetimana syarat-syarat itu dikenakan kepada sesuatu perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah Bab 2 dari Perintah ini.

5. (1) Sesiapa jua orang yang telah diarahkan supaya ditakluk di bawah pengawasan polis di bawah bab 2 atau bab 4 dari Perintah ini (selepas ini di dalam Perintah ini disebut sebagai seseorang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini) adalah tertakluk kepada tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas orang-orang yang tertakluk kepada pengawasan polis di bawah bab 264 dari Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) dan adalah juga tertakluk kepada segala atau mana-mana dari sekatan-sekatan yang berikut sebagaimana yang Menteri boleh dengan perintah mengarahkan :—

Sekatan-sekatan terhadap orang yang tertakluk kepada pengawasan.

- (a) ia adalah dikehendaki tinggal di dalam kawasan mana-mana daerah polis yang ditentukan dalam perintah tersebut ;
- (b) ia tidak akan dibenarkan menukar tempat kediamannya tanpa kebenaran bertulis seseorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat merinyu ;
- (c) kecuali setakat yang mungkin dipersyaratkan sebaliknya oleh perintah tersebut, ia tidak boleh meninggalkan Negara Brunei Darussalam tanpa kebenaran bertulis seseorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat merinyu ;
- (d) ia hendaklah senantiasa memaklumkan pegawai yang menjaga daerah polis dalam mana ia tinggal mengenai rumah atau tempat di mana ia tinggal ;

- (e) ia adalah bertanggungjawab, pada waktu atau waktuwaktu yang mungkin ditetapkan dalam perintah tersebut, untuk menghadirkan diri di balai polis yang berhampiran sekali ;
- (f) ia hendaklah senantiasa berada di dalam rumah atau di dalam kawasan yang mungkin ditentukan dalam perintah tersebut, di antara jam-jam yang mungkin ditetapkan dalam perintah tersebut, kecuali ia ada memperolehi kebenaran khas sebaliknya daripada pegawai yang menjaga daerah polis dalam mana ia tinggal ;
- (g) kecuali setakat yang mungkin dipersyaratkan sebaliknya oleh perintah tersebut, ia tidak akan dibenarkan memasuki mana-mana kawasan yang ditentukan dalam perintah tersebut.

(2) Menteri boleh dari masa ke semasa, dengan perintah secara bertulis yang disampaikan kepada orang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini, mengubah, membatalkan atau menambah kepada sebarang sekatan yang dikenakan di bawah bab ini.

(3) Seseorang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang perintah atau sekatan yang dikenakan terhadapnya di bawah bab ini adalah bersalah dan hendaklah, jika didapati sabit kesalahannya, dihukum penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan tidak kurang dari satu tahun.

Orang yang tertakluk kepada pengawasan tidak boleh bergaul dengan orang-orang lain yang tertakluk kepada pengawasan.

6. (1) Tiada sesiapa pun jua orang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini boleh bergaul atau sebagai kebiasaan mempunyai hubungan dengan sesiapa jua orang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini tanpa kebenaran pegawai yang menjaga daerah polis dalam mana ia tinggal, melainkan ia membuktikan bahawa ia telah tidak mengetahui dan telah tidak mempunyai sebarang sebab untuk mengesyaki bahawa orang lain itu ialah seorang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini.

(2) Sesiapa jua orang yang melanggar syarat-syarat bab ini adalah bersalah dan boleh jika didapati sabit kesalahannya dikenakan hukum penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan tidak kurang dari satu tahun.

Berdiri-diri membuat masa oleh seseorang yang tertakluk kepada pengawasan di tempat awam, dsb.

7. Sesiapa jua orang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini yang —

- (a) didapati di antara waktu matahari masuk dan matahari terbit seringkali berada atau berdiri-diri membuat masa di mana-mana tempat awam atau di sekitar mana-mana tempat awam atau berhampiran dengan mana-mana tempat hiburan awam ; atau

- (b) pada bila-bila masa didapati bersama-sama dengan dua orang atau lebih tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini ; atau
- (c) pada bila-bila masa didapati di dalam atau berdekatan dengan mana-mana tempat dalam mana sebarang perbuatan ganas atau pecah keamanan sedang atau telah baharu sahaja dilakukan,

dan yang tidak boleh dengan memuaskan menerangkan mengapa ia berada di tempat atau pada masa tersebut atau bersama-sama dengan orang-orang tersebut adalah bersalah dan boleh jika didapati sabit kesalahannya dikenakan hukum penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan tidak kurang dari satu tahun.

8. (1) Seseorang pegawai polis boleh mengambil atau menyebabkan supaya diambil foto-foto dan cap-cap jari sesiapa jua orang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini ; dan tiap-tiap orang sedemikian adalah terikat di sisi undang-undang untuk mematuhi terhadap pengambilan foto-foto dan cap-cap jarinya, dan boleh dipaksa terhadap pengambilannya dengan menggunakan kekerasan, jika perlu.

Mengambil  
foto-foto  
dan  
cap-cap jari.

(2) Sesiapa jua orang yang sebagai terikat di sisi undang-undang di bawah ceraian (1) dari bab ini untuk mematuhi terhadap pengambilan fotograf-fotograf atau cap-cap jarinya enggan atau gagal untuk mematuhi terhadap pengambilanya manakala diminta adalah bersalah dan boleh jika didapati sabit kesalahannya dikenakan hukuman penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau hukum denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau kedua-dua hukuman penjara dan denda tersebut.

9. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dari masa ke semasa melanjutkan sahnya sebarang perintah tahanan yang telah disahkan di bawah syarat-syarat ceraian (2) bab 3 dari Perintah ini bagi selama tempoh-tempoh yang tidak melebihi satu tahun pada bila-bila satu masa dan boleh pada bila-bila masa merujukkan sebarang perintah sedemikian bagi pertimbangan selanjutnya oleh sesebuah jawatankuasa penasihat.

Perlanjutan  
perintah-  
perintah.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dari masa ke semasa melanjutkan tempoh yang seseorang itu diarahkan supaya ditakluk di bawah pengawasan polis dengan sebarang perintah yang disahkan di bawah syarat-syarat ceraian (2) bab 3 dari Perintah ini dan boleh pada bila-bila masa merujukkan sebarang perintah sedemikian bagi pertimbangan selanjutnya oleh sesebuah jawatankuasa penasihat.

- Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa penasihat.**
10. Bagi maksud-maksud Perintah ini Menteri boleh dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari masa ke semasa melantik sebuah jawatankuasa penasihat atau lebih yang mana tiap-tiap sebuah terdiri dari tidak kurang dari dua orang.
- Kuasa-kuasa dan tatacara jawatankuasa-jawatankuasa penasihat.**
11. (1) Tiap-tiap Jawatankuasa penasihat adalah bagi maksud-maksud Perintah ini mempunyai segala kuasa sesebuah mahkamah bagi panggilan dan pemeriksaan saksi-saksi, pentadbiran sumpah-sumpah dan pengakuan-pengakuan dan bagi memaksa supaya dikemukakan dokumen-dokumen.
- (2) Tiap-tiap ahli sesebuah jawatankuasa penasihat adalah dianggap sebagai pegawai kerajaan dalam bidang makna Undang-Undang Hukuman Jenayah (Penal Code) dan adalah mendapat jika berlaku sebarang tindakan atau dakwaan yang diambil terhadapnya kerana sebarang perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dalam melaksanakan kewajipannya di bawah syarat-syarat Perintah ini perlindungan dan keistimewaan yang sama seperti yang diberikan oleh undang-undang kepada seseorang Hakim dalam melaksanakan jawatannya.
- (3) Tiap-tiap jawatankuasa penasihat hendaklah memberi perhatian terhadap kehendak-kehendak bagi keselamatan awam, perlindungan bagi orang-orang perseorangan dan perlindungan bagi sumber-sumber maklumat dan tertakluk kepada syarat-syarat Perintah ini dan apa jua aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 18 dari Perintah ini boleh mengatur tatacaranya sendiri.
- Pemberitahuan maklumat.**
12. Tiada sebarang apa pun di dalam Perintah ini atau di dalam apa jua aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 18 dari Perintah ini boleh mengkehendakki Menteri atau sesiapa jua pegawai kerajaan yang lain supaya memberitahukan kenyataan-kenyataan yang difikirkannya sebagai bertentangan dengan kepentingan awam untuk diberitahukan.
- Cara tahanan dan kuasa-kuasa untuk memerintah pemindahan.**
13. (1) Tiap-tiap orang yang ditahan menurut suatu perintah yang dibuat di bawah syarat-syarat bab 2 dari Perintah ini hendaklah ditahan dalam sesuatu tempat yang Menteri boleh mengarahkan dan menurut arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Menteri.
- (2) Menteri boleh dengan perintah mengarahkan pemindahan dari mana-mana tempat tahanan ke suatu tempat tahanan yang lain yang akan ditentukan dalam perintah sedemikian bagi sesiapa jua orang yang ditahan menurut suatu perintah yang dibuat di bawah syarat-syarat bab 2 dari Perintah ini.

(3) Dengan adanya bukti sehingga memuaskannya bahawa kehadiran di mana-mana tempat sesiapa jua orang yang ditahan menurut suatu perintah yang dibuat di bawah syarat-syarat bab 2 dari Perintah ini adalah dikehendakki bagi kepentingan-kepentingan keadilan, atau bagi maksud apa jua penyelidikan, atau bagi kepentingan awam atau bagi kepentingan orang yang ditahan itu, maka Menteri boleh memerintahkan supaya orang sedemikian dibawa ke tempat itu.

(4) Sesiapa jua orang semasa dalam pemindahan di bawah syarat-syarat ceraian (2) dari bab ini atau semasa sedang dibawa ke mana-mana tempat menurut syarat-syarat ceraian (3) dari bab ini dan bilamana dipindahkan demikian atau semasa di tempat sedemikian hendaklah disimpan dalam kurungan sebagaimana yang Menteri boleh mengarahkan dan semasa di dalam kurungan itu adalah dianggap sebagai dalam kurungan yang sah.

14. (1) Sesiapa jua pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan sementara menunggu penyelidikan-penyalidikan sesiapa jua orang yang berhubung dengan siapa ia mempunyai sebab untuk mempercayai ada terdapat alasan-alasan yang akan mematutkan penahanan orang sedemikian di bawah bab 2 dari Perintah ini.

Kuasa untuk menahan orang-orang yang disyaki.

(2) Tiada sesiapa pun orang boleh ditahan di bawah syarat-syarat bab ini selama sesuatu tempoh yang melebihi dua puluh empat jam kecuali dengan kebenaran seseorang pegawai polis yang berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat penolong penguasa atau selama tempoh empat puluh delapan jam keseluruhannya :

Dengan syarat bahawa jika seseorang pegawai yang berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat penguasa polis berpuashati bahawa penyelidikan-penyalidikan yang seperlunya tidak dapat diselesaikan dalam tempoh empat puluh delapan jam yang disebutkan tadi maka ia boleh membenarkan penahanan orang sedemikian selanjutnya selama sesuatu tempoh lagi yang tidak melebihi empat belas hari dan hendaklah manakala memberi kebenaran sedemikian dengan serta-merta melaporkan hal-halnya kepada Pesuruhjaya Polis.

(3) Sesiapa jua orang yang ditahan di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini adalah dianggap sebagai dalam kurungan yang sah dan boleh ditahan dalam mana-mana penjara, atau dalam mana-mana balai polis atau dalam mana-mana tempat yang serupa yang dibenarkan pada amnya atau khasnya oleh Menteri.

15. (1) Sesiapa jua pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap sesiapa jua orang yang dijumpai lepas bebas berhubung dengan siapa ada wujudnya perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri di bawah syarat-syarat bab 3 dari Perintah ini dan hendaklah dengan serta-merta melaporkan penangkapan sedemikian kepada Pesuruhjaya Polis.

Kewajipan untuk menangkap orang-orang yang diperintahkan supaya ditahan.

(2) Sesiapa jua orang yang ditangkap menurut syarat-syarat ceraian (1) dari bab ini adalah dianggap sebagai dalam kurungan yang sah dan boleh ditahan selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi empat puluh delapan jam dalam mana-mana penjara atau dalam mana-mana balai polis sementara menunggu pengeluaran arahan-arahan oleh Menteri bagi penahanan selanjutnya.

**Kuasa untuk memasuki dan menggelidah.**

16. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang bertentangan yang terkandung di dalam sebarang undang-undang bertulis maka adalah sah bagi sesiapa jua pegawai polis yang berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat penolong penguasa, atau seseorang pegawai polis apa pun jua pangkatnya yang diberi kebenaran khas oleh seseorang pegawai polis yang berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat penolong penguasa, untuk melaksanakan penangkapan sesiapa jua orang menurut syarat-syarat Perintah ini, untuk memasuki dan menggelidah mana-mana tempat dan untuk melaksanakan kemasukan ke dalam tempat sedemikian dengan memecahkan sebarang pintu sebelah luar atau sebelah dalam atau jendela mana-mana tempat sedemikian jika ia tidak boleh kalau tidak melakukan demikian dapat masuk ke tempat tersebut.

(2) Di dalam bab ini "tempat" termasuklah apa jua kenderaan, kapal atau kapal terbang, sama ada di dalam tempat awam atau bukan.

**Kuasa-kuasa Pendakwa Raya.**

17. Tiada sebarang apa pun di dalam Perintah ini yang melemahkan kuasa-kuasa Pendakwa Raya berkenaan dengan kawalan dan arahan bagi dakwaan-dakwaan jenayah.

**Aturan-aturan.**

18. (1) Menteri boleh dengan perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membuat aturan-aturan bagi maksud menguatkuasakan kesemua atau mana-mana syarat dari Perintah ini.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraian (1) dari bab ini, aturan-aturan sedemikian boleh membuat syarat bagi pengeluaran oleh Pendaftar Taraf Kebangsaan yang dilantik di bawah Undang-Undang Pendaftaran Kebangsaan kad-kad pengenalan istimewa kepada semua atau mana-mana golongan orang yang tertakluk kepada pengawasan di bawah Perintah ini dan membuat syarat bagi bentuk, penyimpanan, mengemukakan, pemeriksaan, pembatalan, perubahan, pencatatan dalam dan penggantian kad-kad sedemikian dan penggantiannya dengan kad-kad pengenalan yang dikeluarkan kepada orang-orang sedemikian di bawah sebarang undang-undang bertulis dan bagi semua perkara lain yang perlu atau dikehendakki berkaitan dengan kad-kad sedemikian atau pelaksanaannya atau penguatkuasaan aturan-aturan sedemikian, termasuk penetapan hukuman-hukuman yang tidak melebihi berkenaan dengan sebarang kesalahan sesuatu denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara selama sesuatu tempoh tiga tahun atau kedua-dua hukuman denda tersebut.